


HRIV
W!^{Tai}MM
HUTU

mgm
H
mWm:M



MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS
2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARIISNIN: 11 OKTOBER

0*m..

MB

grSfflBS^
Sw^TDSiTljj^i^iSft/&?\$SIBSafe&3&
mm
ns ■

dM

KANMUNGAN

JAWAPAN-MVAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN **JAWAB**
LISAN YANG TUBUH DAPAT MENJAWAB MENDALAM **BEWAN** (SOALAN
NO. 9 HINGGA 40)

NOTA: **JAWAPAN-JAWAPAN** BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8 SOALAN
NO:33 DIJAWAB SEKALI DENGAN SOALAN NO: 1 [RUJUK PENYATAAN
RASMI HARIAN (HANSARD)]

FESV5BERSTAHU **PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAM OLEH**
Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI MENTEPJ "CESS HAT AN

PERTANYAAN : **LSSAW**
DARIPADA : **TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG 11 OKTOBER**
TARIKH : 2010
SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bulang (Sibuti) minta MEWTERI KESSHATAN menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai data mengenai peningkatan kadar pesakit diabetes di kalangan kanak-kanak, remaja dan dewasa di bawah 30 di seluruh Malaysia.

Tuan Yang DiPertua,

Data prevalen diabetes di kalangan kanak-kanak dan remaja tidak dikumpul secara rutin di Malaysia oleh kerana prevalen penyakit adalah sangat rendah, iaitu kurang dari 2.0%. Walau bagaimanapun, hasil kajian Survei Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan yang Ketiga (atau NHMS III) pada tahun 2006, menunjukkan prevalen diabetes adalah sebanyak 2.0% bagi kumpulan umur 18 hingga 19 tahun, 2.0% (20 hingga 24 tahun) dan 3.1% (25 hingga 29 tahun).

Jumlah kemasukan pesakit ke hospital KKM, bagi diagnosa diabetes, bagi kumpulan umur kurang dari 25 tahun pula adalah seramai 1,780 pesakit bagi tahun 2007, 1,951 pesakit (2008) dan 1,931 pesakit (2009). Jika data ini dilihat dari peratusan jumlah kemasukan semua pesakit diabetes, ia adalah 4.2% bagi tahun 2007, 4.5% (2008) dan 4.7% (2009). Data ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perubahan yang mendadak dari segi bilangan dan peratus pesakit diabetes golongan kanak-kanak dan orang muda.

MCX 30ALAN : 10

PEMBERITAHOAM PERTAMYAAM DEWAM
RAEIYAT PERTAMYAAM : LISAN

DARI PAD A : Y.B. DATO¹ JOHARI BIN ABDUL
(Sungai Petani)

TARIKH : 11 OKTOBER 2010

SOALAN : Y.B. **DATO*** JOHARI BIN ABDUL minta
PERDAWIA MENTEIRI menyatakan :

- (a) , apakah fokus Rukun Tetangga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan bagi tahun ini; dan
- (b) . apakah bentuk program yang akan dipaparkan kepada semua Kelab Rukun Tetangga di seluruh Negara aktif menjalankan tanggungjawab mereka.

diperkenalkan

JAWAPAW: (YB Tan Sri Dr.Koh Tsu Koon)

Penubuhan Rukun Tetangga (RT) sejak tahun 1975 bertujuan untuk memupuk perpaduan dan membantu kerajaan menjaga keselamatan di peringkat akar umbi. Peranan RT menjadi lebih penting lagi sekarang, dalam konteks kita berusaha menjayakan Gagasan 1 Malaysia yang mengutamakan keharmonian dan perpaduan dalam kepelbagaian, serta melaksanakan Program Transformasi Kerajaan (PTK) yang menumpukan kepada Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau NKRA, khasnya untuk meningkatkan keselamatan dan mengurangkan jenayah serta meningkatkan kualiti pendidikan pra-sekolah melalui tabika perpaduan.

Oleh itu, usaha gigih telah dan akan terus diambil untuk memperkembangkan Kawasan RT (KRT) dari segi kualitatif dan kuantitatif. Pada tahun 2009, sebanyak 513 buah KRT yang baru telah ditubuhkan, jauh melebihi sasaran 300 setahun yang ditetapkan sejak bulan Januari 2008. Bilangan KRT baru yang ditubuhkan untuk tahun ini setakat 30 September berjumlah 337 , menjadikan jumlahn besar sebanyak 4843 pada keseluruhannya.

Di samping itu, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sedang berusaha gigih untuk mengwujudkan lebih banyak kemudahan fizikal bagi KRT dalam bentuk kabin sebagai pusat KRT.

Untuk NKRA mengurangkan jenayah, sebanyak 496 Skim Rondaan Sukarela (SRS) yang baru telah ditubuhkan di bawah KRT, pada tahun 2009, dan 357 SRS lagi dalam sembilan (9) bulan pada tahun ini menjadikan jumlahnya 2137. Peruntukan tambahan juga disediakan untuk peralatan dan perlindungan anggota SRS dalam bentuk insuran Takaful.

JPNIN memang sedar bahawa walaupun kebanyakan KRT adalah aktif, ada juga yang kurang aktif. Oleh itu, pemantauan, penilaian dan pengawasan yang lebih rapi telah diambil untuk mengenalpasti KRT yang kurang aktif. Sememangnya, sebanyak 103 KRT yang sudah lama tidak aktif dan dijangka tidak dapat diaktifkan telah ditutup pada tahun 2009. Angka untuk sembilan (9) bulan tahun ini ialah 12 KRT.

Beberapa langkah telah juga dan akan terus diambil seperti berikut:-

- (a) Berjumpa dengan AJK KRT untuk memberi galakan dan nasihat serta membantu menyelesaikan masalah;
- (b) Menjalankan kursus motivasi dan pengurusan bagi AJK KRT yang berkenaan;
- (c) Melakukan rombakan semula jawatankuasa untuk mengganti ahli yang tidak cergas dan tidak berkesan dengan ahli-ahli baru atau muda yang berpotensi; dan
- (d) Membentuk Jawatankuasa Pemantau dan Penasihat Rukun Tetangga di peringkat daerah yang terdiri daripada para pemimpin masyarakat dan profesional untuk memantau, memberi nasihat, bimbingan dan dorongan kepada AJK KRT.

Untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan para pemimpin KRT untuk menangani masalah perselisihan, memelihara perhubungan baik dan memupuk keharmonian dalam KRT, latihan dalam kemahiran perhubungan di antara manusia (*inter-personal relationship*) dan komunikasi serta kaedah mediasi telah diperkenalkan sejak tahun 2009 di mana 126 orang pemimpin KRT telah dilatih. Sasaran untuk tahun ini ialah 300 orang pemimpin KRT.

JPNIN yakin bahawa, dengan langkah-langkah tersebut dan dengan sokongan dan kerjasama pemimpin masyarakat dan penjawat awam yang bermastautin dalam kawasan yang berkenaan, KRT akan terus berkembang untuk memainkan peranannya secara lebih berkesan lagi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

MO. AUP : t|

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI]
TARIKH : 11 OKTOBER 2010
RUJUKAN : 2975

SOALAN:

Datok Mur Jazlan Bin Mohamed [Puiyai] minta IVSENER1 OALAM1 NEGER1 menyatakan jumlah terkumpul saman trafik termasuk saman ekor yang sedang dituntut oleh pihak polis daripada pesalah. Sila jelaskan juga langkah yang diambil untuk mengesahkan sama ada jumlah yang dituntut adaiyah benar dan bukan terbit dari kesilapan pihak Polis.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pulai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jumlah terkumpul saman trafik termasuk saman ekor yang sedang dituntut oleh pihak polis dari tahun 2000 sehingga 30 September 2010 adalah sebanyak 17,113,961 saman. Daripada jumlah ini, sebanyak 3,608,995 saman dituntut melalui Borang POL 257 (saman secara bersemuka) dan sebanyak 13,504,966 saman lagi dikeluarkan melalui Notis Saman POL 170A (saman ekor).

Tuan Yang DiPertua,

Bagi memastikan bahawa saman yang dituntut adalah disebabkan kesalahan pengguna jalan raya itu sendiri, pihak polis telah melaksanakan Strategi Penyelesaian Saman Trafik PDRM mulai awal tahun 2009 melibatkan tiga (3) fasa, iaitu:-

Fasa pertama

Merupakan fasa *housekeeping* (penyisihan) yang mana dalam fasa ini pihak polis akan mengasingkan saman-saman bermasalah, saman-saman pos yang disahkan ssbagai *Return to Sender* (Dikembalikan kepada Pengirim), saman-saman *Error* berikutan masalah tiada maklumat diperolehi dari pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan saman-saman pesalah trafik (Orang Kena Saman atau OKS) yang telah disahkan meninggal dunia.

Fasa kedua

laitu fasa *Advocacy* (sokongan) yang mana pihak polis berusaha untuk mendapatkan alamat-alamat terbaru pesalah trafik dari pelbagai agensi untuk proses penghantaran Notis Peringatan Saman kepada Orang Kena Saman (OKS).

Fasa ketiga

Merupakan fasa *Enforcement* (penguatkuasaan) yang mana pihak polis akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan kepada pesalah yang ingkar berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (APJ 1987).

Tuan Yang DiPertua,

Bagi memastikan masyarakat berpuas hati dengan proses pengeluaran dan tuntutan saman ini, Orang Kena Saman (OKS) boleh menyemak gambar-gambar bukti kesalahan hadlaju yang telah dilakukan di mana-mana Cawangan Trafik seluruh negara tanpa merujuk kepada daerah saman dikeluarkan.

No. Soalan: 12 PR-1233-L39592

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGS JAWAB LISAN

PERTANYAAN :

DARIFAOA : R A KYAT BAG!

TARIKH : JAWAB LISAN

D Y„B„ DATO' KAMARUDSN BSN JAAFAR
(TUMPAT)

E 11 OKTOBER 2010

W SOALAN : Y.B. DATO* KAWSARUDIN
BIN JAAFAR minta MENTERI LUAR WEGER!
menyatakan adakah Kerajaan akan membantu
dan menghantar pemerhati untuk pilihanraya
A umum Myanmar pada November 2010 ini.

N

JAWAPAM;

Tuan Yang di-Pertua

Terima kasih Yang Berhormat Tumpat di atas soalan yang dikemukakan.

2. Malaysia bersedia membantu dan berkongsi pengalaman dengan Myanmar dalam menjayakan pilihanraya urnum yang akan diadakan pada 7 November 2010 selaras dengan pendirian ASEAN. Ini

merupakan pilihanraya umum yang pertama sejak 1990.

3. Malaysia sentiasa menekankan pentingnya Kerajaan Myanmar untuk mengadakan pilihanraya dengan adil dan telus serta melibatkan penyertaan semua pihak, supaya ini akan menyumbang kepada kestabilan politik dan pembangunari ekonomi negara tersebut.

4. Namun begitu, segala bentuk bantuan Malaysia akan hanya diberikan sekiranya diminta oleh Kerajaan Myanmar. Setakat ini, Malaysia, masih lagi belum menerima sebarang permintaan daripada Kerajaan Myanmar untuk menghulurkan bantuan ataupun menghantar pasukan pemerhati ke pilihanraya umum tersebut.

Sekian, terima kasih.

MO. SIMLAM: 13

**DEWAM RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERIAMYAAM 1V1E8YUAFIAJ KETBGA,
PEMGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS**

(2 @10)

PERTAMYAAM : BARI PAD A :

TARIKH

LISAN

Y.B. TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN
SYED JAAFAR ALBAR (KOTA TINGGI)

SQALAM

11 OKTOBER 2010

Y=B_o Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid Bio SyecS Jeafar Aibar (Kota Tsnggi) minta
PERDANA liEMTERI menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam
memastikan:

- a) Logo halal yang dipamerkan di premis perniagaan makanan adalah disahkan oleh Kerajaan; dan
- b) Apakah Kerajaan dapat memastikan keseragaman logo halal dilaksanakan dengan mewujudkan hanya satu agensi berkuasa mengeluarkannya

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tujuan penyeragaman pensijilan halal, Kerajaan sedang dalam peringkat akhir meminda Akta Perihal Dagangan, 1972 (APD 1972) dan akan dibentangkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam persidangan Dewan Rakyat pada kali ini. Berikutan itu, hanya satu logo halal sahaja yang akan diiktiraf dan dibenarkan untuk digunakan di Malaysia iaitu Logo Halal Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Oleh yang demikian, logo-logo halal yang dikeluarkan oleh pihak swasta yang menyebabkan kekeliruan kepada pengguna pada waktu ini tidak lagi akan dibenarkan untuk dipamerkan di premis-premis makanan. Mulai tahun 2011, JAKIM dan JAIN akan mewajibkan seluruh premis makanan yang mendapat sijil halal dari JAKIM dan JAIN menggunakan pelekat logo halal Malaysia yang dikeluarkan oleh JAKIM di mana pelekat ini mempunyai ciri-ciri keselamatan dan maklumat pensijilan premis berkenaan. Dengan penggunaan pelekat ini, diyakini penyalahgunaan logo halal akan dapat diatasi. Pelekat ini juga dapat membantu pengguna untuk memastikan premis berkenaan benar-benar mendapat pensijilan halal dari JAKIM atau JAIN.
- b) Kerajaan yakin keseragaman logo halal akan dapat diselesaikan dengan hanya mengiktiraf JAKIM dan JAiM sahaja selaku badan berautoriti untuk mengeluarkan sijil halal di Malaysia. Bagi tujuan itu, JAKIM telah mengangkat cadangan Penyeragaman Mekanisme Pensijilan Halal

Malaysia Bersama Antara JAKIM Dan MAIN untuk perkenan pihak berkuasa agama Islam negeri-negeri. Semua negeri telah pun memberi persetujuan terhadap mekanisme penyeragaman tersebut yang akan menggunakan Standard, sistem, sijil, dan logo yang seragam. Setakat ini negeri Pulau Pinang merupakan projek perintis dalam pelaksanaan penyeragaman mekanisme ini yang memproses permohonan melalui sistem e-Halal dan akan disusuli oleh Negeri Sembilan, Selangor, dan Melaka. Dengan penyeragaman ini diyakini isu kepelbagaian sijil dan logo serta prosedur pensijilan yang menyulitkan pihak industri akan dapat diatasi. Di samping itu, tugas-tugas penguatkuasaan yang dijalankan oleh KPDNKK akan lebih cekap dan berkesan kerana pensijilan halal Malaysia yang diuruskan oleh JAKIM dan JAIN akan mempunyai data pensijilan halal yang berpusat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A	PUAN TERESA KOK SUH SIM
KAWASAN	SEPUTEH
TARIKH	11.10.2010 (Isnin)
NO. SOALAN	

PUAN TERESA KOK¹⁴ SUH SIM minta **MENTERI**
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
menyatakan pecahan pelaburan langsung (FDI) mengikut
negara pada tahun 2007, 2008, 2009 dan penggal ketiga
2010. Apakah sebab kejatuhan FDI sebanyak 81% dalam
2009 dan strategi Kerajaan menarik pelabur langsung ke
Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Menurut perangkaan Lembaga Pembangunan Pelaburan
Malaysia (MIDA), jumlah pelaburan langsung asing (FDI)
yang diluluskan di Malaysia dalam sektor perkilangan dan

**[©©rMiidriifars b©rkaitasi perkiGangati pada tatai
adalali sebanyak flfil33o4 bili©ra dam telah meminigM
kepada ERi!46,,1 biliom pada tahuo 2008a Pada SaSmn**

200©
pyya, s ifeyyy^iitg^iLei[!'] @tC@ii1©irfi1j3 C-msyBJciii] as
perlwasaini ssyarkau mylti“fiiasi@oal di
selajroli dusisa₃ FDI t©Sah menus™ kepada WM22A bifiloo
Bagi tempoh Jaoioari tilngga JuSai 201©_s FOI yang
dilylyskam dalanra seictor perkilangan serta perkSiadmatan
berkaltaoi perkilapgasi adalaSi berjymilah Flfli9o8 bilS@fli₀

jf negara sumber pelaburan₃ flima negara yang telai

Jepun sebanyak RM20.0 bilion;
Australia sebanyak RSyH5o4 bilion;
Amerika Syarikat sebanyak RM14J bilion;
Jermasi sebanyak *RMBM* bilion; dan
Singapura s@banyak *R.M7M* bilion.

Bagi **tempoh** Januari hingga Julai 201© pyla₅ lima negara
sumber pelaburan tertir&ggi adalah"

© Singapore sebanyak RMS bilion;
o Jepun sebanyak RM1 =3 bilion;

- Amerika Syarikat sebanyak RM917.8 juta;
- Taiwan sebanyak RM539.7 juta; dan
- « Switzerland sebanyak RM537.8 juta.

Tuan Yang Di Pertua,

Menurut Laporan *World Investment Report 2010* yang dikeluarkan oleh Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD), FDI yang masuk ke Malaysia telah mengalami penurunan sebanyak 81% iaitu daripada US\$8.1 bilion pada tahun 2008 kepada US\$1.4 bilion pada tahun 2009.

Penurunan FDI ini adalah disebabkan oleh:

- krisis ekonomi global yang bermula pada tahun 2008 dan berpanjangan sehingga tahun 2009. Ini telah mengakibatkan FDI dunia mengalami penurunan ketara sebanyak 37%. Selain itu, pihak pelabur juga telah mengamalkan sikap berhati-hati dalam membuat keputusan pelaburan yang melibatkan modal yang tinggi;

sitoasi peraSiharii ©too©™ negara daripada

berint@nsifkan modafli fkepacfa gndosfri yang fee
rasas Sea npesi get a Si u a si;

peningkatan persaingan bagi FDI daripada ekonomi besar yang sedang meningkat naik seperti India, China dan negara-negara ASEAN; dan

berdasarkan pandangan projek pelaburan yang diluluskan oleh Kerajaan telah ditangguhkan] pelaksanaan. berikutan keadaan ekonomi yang tidak stabil tersebut

Tuan Yang DiPertua,

lienyedari kepentingan meningkatkan pelaburan masuk ke Malaysia, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah proaktif termasuk:

- memperkenalkan beberapa program bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara termasuk Program Transformasi Kerajaan (GTP), Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang mengandungi sistem pemantauan pertumbuhan ekonomi yang kukuh;
- **memperkenalkan 12 bidang ekonomi utama negara (NKEA) melalui makmal yang diperkenalkan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU). Bidang tersebut dijangka akan menarik pelaburan yang tinggi ke Malaysia;**

- **memfokus kepada sektor-sektor yang bernilai ditambah tinggi, berintensifkan modal dan pengetahuan serta teknologi baru muncul;**
- **menjadikan MIDA sebagai agensi penggalakan pelaburan utama bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan. MIDA juga telah dikorporatkan dan diberi kuasa untuk membuat keputusan secara “real time” ketika berunding dengan para pelabur yang berpotensi;**
- **menjalankan aktiviti promosi penggalakan pelaburan dan perdagangan yang lebih agresif bagi menarik lebih banyak pelaburan tempatan dan asing;**
- **melaksanakan inisiatif penambahbaikan ke atas sistem penyampaian perkhidmatan secara berterusan melalui pemantauan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH); dan**

**sebagai @npci pertaiibyfiasi ekonomis yang bano darn terus
mefllfeeralSsasikaBi s@kt©r perkEiidmatan sejajar**

SOALAN NO: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK HAJIYUSOFF BIN HAJI MAHAL

[LABUAN]

TARIKH : 11 OKTOBER 2010 (ISNIN)

SOALAN:

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah terdapat pertimbangan oleh YAB Perdana Menteri untuk menganjurkan Sambutan Hari Malaysia di Pulau Labuan pada tahun 2012 nanti memandangkan Labuan mempunyai kelebihan dari segi kedudukan geografi (di antara Negeri Sabah dan Sarawak) dan dari segi sejarah Labuan dalam penubuhan Malaysia.

SOALAN MO: 15

JAWAPAM:

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan Malaysia pada 16 September 1963 adalah gabungan Megeri-negeri Persekutuan (Semenanjung) dengan Sabah dan Sarawak. Justeru Hari Malaysia pada setiap 16 September setiap tahun wajar disambut di semua negeri di Malaysia, iernasuk Labuan.

Pada Sambutan Hari Malaysia 16 September 2010, Kerajaan telah mengangkat satu acara iaitu *Menandatangani Buku Catalan Rasmi Hari Malaysia* oleh YAB Perdana Menteri, Ketua Menteri Menteri Sabah dan Sarawak serta wakiS negeri tuan rumah. Buku tersebut akan beredar setiap tahun (selama 14 tahun) di setiap negeri di mana acara menandatangani buku tersebut akan dibuat pada Sambutan Perayaan Hari Malaysia 16 September di negeri tuan rumah. Buku tersebut akan ditukar baru apabila genap 14 tahun (melibatkan 14 negeri), dan sebagai bukti sejarah, *Buku Catatan Rasmi Hari Malaysia* akan disimpan sama ada di Arkib, Muzium atau Jabatan Perdana Menteri.

No. Soaian: 16
PR-1233-L40670

PEMBERITAHU PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN [KUL11VSBANDAR BARU]

TARIKH 11 OKTOBER 2010

SOALAN : Tuan Zuikifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan

- (a) mengapakah Kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf kerajaan Palestin daripada Hamas yang memenangi pilihan raya melalui proses demokrasi; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang mengiktiraf Kerajaan Palestin pimpinan Hamas, dan kalau tidak nyatakan sebabnya dan adakah Kerajaan bercadang menawarkan

Kerajaan Paestin pimpinan Hamas membuka sebuah kedutaan atau konsul di Kuala Lumpur.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Kulim Bandar Bam di atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia merupakan antara negara yang pertama di dunia yang mengiktiraf Kerajaan Paestin. Ini terbukti apabila Pejabat Pertubuhan Pembebasan Paestin atau *Palestine Liberation Organization*, dengan izin, telah ditubuhkan di Malaysia sejak tahun 1974 dan telah dinaikkan tarafnya ke Kedutaan Besar Paestin pada tahun 1983.

3. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia sentiasa memainkan peranan yang aktif dalam usaha mencari penyelesaian yang adil dan berkeadilan di dalam konflik Palestin-Israel. Dalam hal ini, semasa YAB Perdana Menteri berucap di Perhimpunan Agung PBB baru-baru ini, beliau telah mengemukakan inisiatif yang diambil oleh pihak Amerika Syarikat dan kumpulan Quartet, dengan izin, bagi meneruskan pelan proses damai Palestin-Israel dan juga penubuhan Paestin yang merdeka dan berdaulat dalam masa setahun.

4. Mengenai pembukaan pejabat Perwakilan Hamas di Kuala Lumpur, Kerajaan Malaysia berpendirian bahawa adalah tidak wajar bagi Malaysia untuk menawarkan penubuhan satu lagi Pejabat Perwakilan Palestin di Malaysia kerana

ini bertentangan dengan amalan diplomatik antarabangsa dan juga tidak membantu dalam usaha penyatuan masyarakat Palestin.

Sekian, terima kasih.

TARIKH : Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG (MARANG)

SOALAN : Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
minta PEKDAWA SViEMTEKS menyatakan makna sebenar keadilan sosial yang menjadi salah satu teras kepada konsep 1 Malaysia dan apakah mekanisme bagi menjamin kejayaan pelaksanaannya.

JAWAPAN ©Seh : YB Tara Sri Dr. Koh Tsu Koon

Tuan Yang Di-Pertua,

Gagasan 1 Malaysia merupakan falsafah induk dan teras pentadbiran kerajaan yang diilham dan diinsiatifkan oleh YAB Perdana Menteri untuk merentas dasar dan pelaksanaan. Tujuan utama Gagasan 1 Malaysia yang berpaksikan kepada Rukunegara dan Perlembagaan Persekutuan adalah untuk memupuk perpaduan nasional di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya supaya Negara kita menjadi lebih stabil, kukuh dan aman lagi, di samping mendahulukan rakyat, kepentingan dan keperluan mereka melalui mengutamakan pencapaian dalam penyampaian perkhidmatan dan pelaksanaan program pembangunan. Tiga teras utama ini menjadi landasan asas bagi mencapai sasaran Wawasan 2020, yakni menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara yang bersatupadu dan maju di dalam semua aspek.

Oleh itu, gagasan 1 Malaysia menerima dan menghormati kepelbagaian agama, etnik dan budaya yang dianggap sebagai aset kompetitif negara. Ianya menekankan semangat dan sikap keterangkuman atau "*inclusiveness*", iaitu penerimaan perbezaan

DARIPADA : 11 OKTOBER 2011)
{S8MIM}

antara kita, dan menggalakkan kita semua menyambut dengan hati terbuka dan tangan terbuka, setiap keunikan dan perbezaan yang ada.

Intipati kepada keterangkuman adalah prinsip keadilan sosial untuk semua tanpa mengira kaum, yang merupakan salah satu daripada teras gagasan 1 Malaysia. Keadilan sosial bermaksud setiap rakyat Malaysia dan setiap golongan akan terbela dan tiada mana-mana pihak akan dipinggirkan. Keadilan sosial sememangnya mengambil kira taraf kemajuan golongan sosio-budaya mahupun etnik yang berada pada tahap yang berbeza-beza. Oleh itu, peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan dasar-dasar kerajaan yang memberikan pembelaan kepada golongan yang memerlukannya, akan tetap dilaksanakan untuk menegak keadilan sosial ini.

Beberapa langkah telah diperkenal dan dilaksanakan, serta mekanisme yang baru diwujudkan oleh kerajaan dalam memastikan kejayaan pelaksanaan dasar keadilan sosial ini, di antaranya adalah seperti berikut:

- a) Menggunakan kaedah pengurusan prestasi yang terkini dan terbukti berkesan, seperti Makmal dan Key Performance Indicator (KPI), yang dipandu oleh sebuah unit yang baru, Performance Management & Delivery Unit atau PEMANDU.
- b) Menggubal Government Transformation Programme (GTP) dan melaksanakan pelan penyampaian (delivery plans) bagi enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Negara atau National Key Result Areas (NKRA) yang berdasarkan aspirasi dan keperluan rakyat yang telah dikenalpasti dan diteliti.
- c) Prinsip keterangkuman atau "*inclusiveness*" untuk membolehkan semua komuniti menikmati kekayaan negara menjadi teras utama dalam Model Baru Ekonomi (MBE)

yang bertujuan untuk melonjakkan Malaysia ke arah status negara maju
dengan pendapatan tinggi melalui proses pembangunan yang lestari atau *sustainable*.

SOALAN NO: 18

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN**

JAWAB LISAN

Dato' Rashid bin Din [Merbok]

11 Oktober 2010 (ISNIN)

**Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS**

**TANI menyatakan setakat manakah
kemajuan/peningkatan yang telah dicapai
dalam pelaksanaan Dasar Jaminan Bekalan
Makanan yang telah dilancarkan beberapa
tahun sudah sehingga kini.**

**JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI**

Tuan Yang Dipertua,

**Kerajaan meluluskan Dasar Jaminan Bekalan Makanan, 2008-2010
berikutan kesan yang dihadapi daripada kenaikan harga petroleum
serta krisis bekalan makanan pada awal 2008. Dasar ini bertujuan
untuk:**

- i) meningkatkan pengeluaran dan produktiviti sektor agro-
makanan;**

- ii) memas'cikan bekalan bahan makanan mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan; dan
- iii) memastikan pengusaha pertanian mendapat pulangan yang setimpal bagi menjamin pengeluaran bahan makanan berterusan.

Tujuh program utama dilaksanakan meliputi pemberian insentif pengeluaran, peningkafan hasil pengeluaran padi, penambahan stok penimbal beras, peningkatan pengeluaran produktiviti melalui TKPM, ZIA dan ternakan lembu dan kambing, pengukuhan pemasaran dan agihan hasil pertanian, program Bumi Hijau dan pengurusan tanah terbiar.

Berdasarkan kajian awal, program-program di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan di dapati telah merangsang peningkatan pengeluaran makanan. Secara keseluruhannya, jumlah pengeluaran makanan pada tahun 2009 telah meningkat.

Pengukuran keberkesanan ini adalah berdasarkan beberapa faktor seperti kos input yang tinggi seperti bahan makanan, baja, racun, bahan kimia untuk keperluan ladang, kos operasi pada tahun 2008 dan 2009. Sekiranya DJBM tidak dilaksanakan, terdapat kemungkinan pengusaha kecil menghentikan pengeluaran kerana tidak mampu menampung kenaikan kos atau mungkin meneruskan pengeluaran tetapi mengurangkan penggunaan input seperti baja, makanan, racun dan sebagainya yang akan menjejaskan produktiviti dan pengeluaran.

Pelaksanaan DJBM dapat membantu petani dan penternak masih mampu meneruskan usaha mereka. Oleh itu di dalam tempoh tersebut didapati pengeluaran tidak terjejas malah menunjukkan peningkatan. Sebagai contoh, pengeluaran akuakultur telah meningkat daripada 243,000 tan metrik pada tahun 2008 kepada 291,000 tan metrik pada tahun 2009 iaitu

peningkatan sebanyak 19.7%. Dalam tempoh yang sama, pengeluaran telur telah meningkat 6.4% iaitu daripada 479 tan metrik kepada 510 tan metrik; pengeluaran buah-buahan sebanyak 6.4% iaitu daripada 1.6 juta tan metrik kepada 1.7 juta tan metrik; dan pengeluaran beras sebanyak 4.6% iaitu daripada 1.51 juta tan metrik kepada 1.58 juta tan metrik, daging lembu/kerbau sebanyak 10.3% daripada 38 ribu tan metrik kepada 42 ribu tan metrik dan susu sebanyak 10.9% daripada 56 juta liter kepada 62 juta liter.

Secara umumnya, pelaksanaan DJBM, didapati telah membantu meningkatkan pengeluaran makanan pada tahun 2009 berbanding dengan tahun 2008.

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : 11 **OCTOBER** 2010 (ISNIN)
TARIKH : Y.B. TUAN LIANG TECK MENG
(**SSMPANG RENGAM**)
SOALAN : Y.B. TUAN LIANG TECK MENG minta
PERDAMA MENTERI menyatakan apakah indeks perpaduan Negara telah meningkat setelah Gagasan Sains Malaysia dilaksanakan.

JAWAPAN oleh: YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebenarnya dan sememangnya, apa yang dimaksudkan sebagai tahap perpaduan sesebuah negara yang majmuk seperti Malaysia bukan senang untuk dinilai dan diukur. Ini adalah kerana ia merangkumi beberapa aspek yang subjektif, iaitu pandangan, perasaan serta perhubungan antara individu dan golongan.

Dalam usaha untuk menilai dan mengukur perpaduan Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sejak tahun 2007 telah merujuk kepada Indeks Ketegangan Masyarakat (Societal Stress Index atau SSI).

NO. SOALAM : 19

Indeks ini dibangun sebagai satu petunjuk kasar untuk memantau keadaan atau tahap keharmonian masyarakat dengan memantau dan mengukur bilangan isu peristiwa atau kejadian yang menimbulkan ketegangan sosial, serta menjejas keharmonian dan perpaduan. Antara kategori isu dan insiden yang dipantau ialah demonstrasi, protes, serangan, pergaduhan dan isu-isu konflik yang melibatkan hubungan etnik, agama, alam sekitar, pendidikan dan tanah yang dilaporkan kepada polis, dipantau oleh jentera JPNIN di akar umbi atau dibahaskan dalam media. Bilangan kes dibahagikan dengan bilangan sejuta penduduk untuk mendapatkan SSI.

Berdasarkan data yang diperolehi, SSI bagi tahun 2009 adalah 21.6 kes per sejuta penduduk. Angka ini menunjukkan penurunan sebanyak 6.3 kes per juta penduduk berbanding 28 kes per juta penduduk bagi tahun 2008. Penurunan indeks ini disebabkan oleh sikap sederhana dan bertolak ansur di kalangan rakyat, didorong oleh keberkesanan program-program yang dijalankan oleh Kerajaan seperti Gagasan 1 Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (GTP) dengan 6 NKRAnya serta usaha berterusan yang gigih oleh JPNIN melalui Rukun Tetangga dan pelbagai program oleh kementerian- kementerian dan agensi-agensi lain.

Walau bagaimanapun, JPNIN sedang bekerjasama dengan para pakar runding dan akademik dari beberapa Institut Pengajian Tinggi dan Institut Penyelidikan seperti Institut Kajian Etnik atau KITA di UKM untuk menyokong usaha mereka mewujudkan beberapa petunjuk yang lebih tepat dan sesuai untuk memantau dan mengukur tahap keharmonian masyarakat dan perpaduan kaum, di samping membuat kajian-kajian terhadap pandangan, persepsi dan perasaan orang awam mengenai aspek-aspek perhubungan antara golongan dari beberapa sudut sosiologi, psikologi dan kebudayaan.

Adalah diharapkan bahawa melalui kerjasama sedemikian, akan didapati satu gambaran yang lebih objektif dan menyeluruh mengenai tahap keharmonian masyarakat dan perhubungan antara kaum yang sebenarnya wujud dalam pelbagai konteks sosial, seperti tempat kerja, kawasan perumahan, bidang perniagaan dan bisnes, aktiviti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya. Hasil kajian-kajian ini boleh dirujuk untuk menggubal strategi dan program yang lebih berkesan lagi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 11 OKTOBER 2010

RUJUKAN : 2976

SOALAN:

Dr, Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta MENTERB DALAM NEGERI menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil terhadap rakyat Malaysia yang menghina Malaysia dan melanggar Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tenggara yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, perbuatan rakyat Malaysia menghina Malaysia bukan sahaja boleh menjatuhkan maruah dan imej negara tetapi juga merupakan tindakan yang melanggar Perlembagaan Persekutuan serta mencabar kedaulatan undang-undang di negara ini. Dalam hal ini, Kementerian memandang serius sebarang tindakan sedemikian dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang didapati terlibat.

Tuan Yang Dipertua,

Perbuatan menghina atau memburuk-burukkan nama Malaysia boleh dikenakan tindakan di bawah peruntukan undang-undang sedia ada seperti Akta Hasutan 1948 sekiranya perbuatan tersebut mempunyai kecenderungan menghasut. Seksyen 4 (1) akta tersebut memperuntukkan mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan yang mempunyai kecenderungan menghasut, apabila disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

fuan Yang Dipertua,

Sekiranya perbuatan berkenaan melibatkan penggunaan platform teknologi

komunikasi, siasatan boleh dibuat di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Peruntukan Seksyen 233 (3) menyebut seseorang boleh didenda tidak melebihi RM 50,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda selanjutnya RM1,000.00 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.

Tuan Yang Dipertua,

Siasatan di bawah Kanun Keseksaan juga boleh dibuat sekiranya hasil siasatan polis mendapati terdapat keterangan yang mencukupi bagi membolehkan tindakan tegas diambil dibawah peruntukan undang-undang berkenaan. Sekiranya didapati ianya melibatkan implikasi dari aspek keselamatan negara dan ketenteraman awam, peruntukan di bawah undang-undang pencegahan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 boleh digunapakai.

KK/BP (1.10)294/6-73 SJ.B/(1)


**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : DATUK DR TEKHEE@TIKI ANAK LAFE

PERTANYAAN :

LISAN

TARIKH 11.10.2010



TAMBAH
11/10/2010

Datuk Dr Tekhee@Tiki anak Lafe (Mas Gading) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada betul persepsi rakyat bahawa Kerajaan menghadapi masalah kewangan sehingga terpaksa mengambil langkah serta tindakan yang mengelirukan rakyat khususnya mereka di luar bandar yang mereka anggapkan bertentangan dengan gagasan 1 Malaysia, rakyat didahulukan pencapaian diutamakan serta hasrat Kerajaan untuk menghasilkan satu negara berpendapatan tinggi.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Kenyataan bahawa Kerajaan menghadapi masalah kewangan adalah tidak benar. Kerajaan bertanggungjawab dalam mengurus kewangan negara secara berhemat, pada masa yang sama memastikan ia dapat menyokong pertumbuhan ekonomi negara dan menjamin kesejahteraan rakyat. Kerajaan akan terus memberi fokus kepada pembangunan luar bandar terutamanya dalam membela rakyat berpendapatan rendah dan golongan

mudah miskin. ini selaras dengan semangat Gagasan 1 Malaysia yang mendahulukan rakyat serta memastikan pelaksanaan program dan projek Kerajaan mencapai matlamatnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk memastikan ekonomi negara berkembang kukuh dan mapan ke arah menjadi sebuah negara maju dan pada masa yang sama memastikan kedudukan kewangan Kerajaan kekal baik dan sihat. Langkah konsolidasi fiskal akan diteruskan di mana Kerajaan menjangkakan defisit fiskal pada tahun ini dapat dikurangkan kepada 5.6% daripada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) berbanding 7.0% pada tahun 2009. Pengurangan defisit ini, akan meningkatkan keyakinan kepada pelabur luar dan dalam negara serta memperbaiki kedudukan penarafan daya saing negara di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan akan terus memberi keutamaan dalam pelaksanaan projek-projek yang memberi faedah kepada rakyat terutamanya di luar bandar. Projek-projek infrastruktur seperti bekalan air, elektrik, jalan luar bandar, jalan kampung serta jalan raya yang menghubungkan bandar-bandar kecil akan terus dibangunkan. Dalam Bajet 2010 sebanyak 2.3 bilion ringgit diperuntukkan bagi tujuan ini. Selain itu, Kerajaan akan terus menyediakan kemudahan perumahan yang mampu milik dan memperbaiki rumah usang di kawasan luar bandar.

Seiring dengan usaha memajukan kawasan luar bandar, Kerajaan juga bertanggungjawab untuk mencapai Wawasan 2020 menjadi ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi. Ke arah ini, Kerajaan akan meningkatkan usaha untuk

melakukan perubahan struktur termasuk melalui langkah-langkah dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang berteraskan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP). Enam bidang keberhasilan utama (NKRA) telah dikena! pasti di bawah GTP manakala 12 Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA) di bawah ETP akan diberikan perhatian untuk memacu ekonomi negara menjadi sebuah negara maju.

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan penjelasan ini, saya ingin menegaskan hasrat murni Kerajaan adalah untuk memastikan rakyat terus dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik dalam keadaan yang aman, manakala kedudukan kewangan Kerajaan akan terus kekal kukuh dan diurus secara berhemat.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]

TARSKH : 11 OKTOBER 2010 (DSNIN)

SOALAN : Dr. Tan Seng Glaw [ECepong | minta W1EMTER1

PELAJARAM menyatakan prestasi yang tercapai di dalam program-program 1 Malaysia termasuk KPI dan NKRA. Apakah masalah yang dihadapi untuk mencapai matlamatnya.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)

Tuan Yang di-Pertua,

Program Transformasi Kerajaan atau *Government Transformation Program* (GTP) dengan menggunakan kaedah makmal atau "labs" dan *Key Performance Indicators* (KPI) merupakan kaedah pengurusan prestasi yang baru dan berkesan untuk pembaharuan jentera kerajaan dan merealisasikan komitmen kerajaan supaya

“Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan,” mengikut Gagasan 1 Malaysia dan Model Baru Ekonomi yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri. Tujuannya adalah untuk mencapai Wawasan Negara supaya Malaysia menjadi sebuah negara maju yang bersatupadu, aman dan berpendapatan tinggi. Enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau *National Key Results Areas* (NKRA) telah dikenalpasti dan giat dilaksanakan sejak bulan Julai 2009 berdasarkan hasrat dan pandangan rakyat mengikut kajian dan maklumbalas.

Di bawah NKRA untuk mengurangkan jenayah, lebih 14,000 anggota polis telah ditugaskan semula (*redeployed*) bersama dengan lebih daripada 3,000 anggota RELA dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) untuk meningkatkan rondaan dan tindakan mencegah jenayah dalam 50 kawasan tumpuan atau “*hot spots*.” Skim Rondaan Sukarela (SRS) di bawah Rukun Tetangga juga sedang dimobilisasikan. Hasilnya, sehingga bulan Ogos tahun ini berbanding tempoh sama pada tahun lepas, kadar jenayah indeks telah menurun 15 peratus pada keseluruhannya dan kadar jenayah jalanan yang merangkumi ragut dan rompakan tanpa senjata menurun sebanyak 39.6 peratus. Sebagai perbandingan, apabila inisiatif yang sama dilaksanakan di bawah pimpinan Tony Blair, Kerajaan British hanya dapat mulai mengurangkan jenayah selepas tempoh dua (2) tahun.

Untuk NKRA Membanteras Rasuah, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) telah diperkasakan dengan pelantikan beberapa jawatankuasa, termasuk Jawatankuasa Pilihan Parlimen, dan pelantikan kakitangan tambahan. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat telah diluluskan dan diwartakan oleh Parlimen. Laman Web *MyProcurement* telah mulai mempamerkan penganugerahan kontrak-

kontrak oleh kerajaan secara telus dan terbuka. Sebanyak 3,712 penganugerahan kontrak oleh Kerajaan telah dipamerkan melalui laman web tersebut. *Integrity Pact* oleh Transparency International juga bermula dilaksanakan bagi hampir semua kontrak kerajaan. Langkah-langkah ini dijangka akan mencegah rasuah, manakala tindakan tegas tetap akan terus diambil bagi mereka yang bersalah.

Untuk NKRA Meningkatkan Pendidikan, di antara fokus utama ialah pendidikan pra-sekolah, di mana sebanyak 1,358 buah kelas baru telah bermula pada bulan Januari, yang akan memberi manfaat kepada 54,569 kanak-kanak. Selain itu, kesemuanya 9,816 buah sekolah rendah pelbagai aliran telah dinilai mengikut *ranking*, supaya mengetahui kekuatan dan kelemahan secara perbandingan. *School Improvement Toolkit* telah diperkenalkan kepada semua sekolah untuk memberi tumpuan dan panduan kepada empat (4) fokus utama, iaitu, pengetua, guru, pelajar dan infrastruktur untuk mempertingkatkan prestasi pelajar.

Untuk NKRA Pengangkutan Awam Bandar, khasnya bagi Kuala Lumpur dan Lembah Klang, sasaran adalah untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam. Penggunaan empat (4) lebuh raya yang kurang sesak sebagai laluan BET (*Bus Expressway Transit*) telah mengurangkan tempoh perjalanan dan meningkatkan bilangan pengguna bas sebanyak 10 peratus bagi Q2 '10 orang berbanding dengan Q2 '09. Tujuh belas (17) keretapi LRT empat (4) gerabak telah bermula beroperasi sejak bulan Januari dan menghasilkan penambahan sebanyak 2.4 juta penumpang berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas.

NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar telah menetapkan sasaran yang tinggi bagi tempoh tiga (3) tahun, 2010 - 2012, iaitu, pembinaan lebih 2,400 km jalanraya, pembinaan dan pembaikpulihan 17,000 rumah, penyampaian bekalan elektrik kepada

50,000 isirumah dan belakan air kepada 120,000 isirumah di kawasan- kawasan luar bandar. Di bawah NKRA Menaik Taraf Kehidupan Isirumah Berpendapatan Rendah, bilangan isirumah miskin tegar telah dikurangkan 46% peratus iaitu sebanyak 23,679 isirumah sehingga bulan Ogos tahun ini. Di samping itu, ketua isirumah miskin tegar digalakkan untuk menyertai salah satu (1) daripada empat (4) projek 1Azam, atau inisiatif "Akhir Zaman Miskin," iaitu, Azam Tani, Azam Niaga, Azam Kerja dan Azam Khidmat.

Adalah jelas bahawa GTP telah mulai menyampaikan kesan-kesan positifnya mengikut enam (6) NKRA secara spesifik. Pada amnya, pelaksanaan GTP bersama-sama dengan Pakej Perangsang Ekonomi dan beberapa langkah yang lain setakat ini telah berjaya meningkatkan keberkesanan dan kecekapan jentera pentadbiran, memulih persepsi dan keyakinan awam serta merangsang pertumbuhan ekonomi Negara. Hakikatnya, kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia telah mencatat 10.1 peratus bagi sukutahun pertama tahun ini dan 8.9% pada suku kedua yang merupakan yang paling tinggi sekali dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini.

Kombinasi langkah-langkah kerajaan ini bersama-sama dengan inisiatif dan usaha sektor swasta telah juga memberi sumbangan terhadap lonjakan kedudukan Malaysia dalam daya saing sedunia, mengikut *World Competitiveness Yearbook* (WCY) dari tangga 18 pada tahun lepas ke tangga 10 pada tahun ini. Peningkatan Malaysia dalam dua (2) daripada empat (4) kategori daya saing adalah mendadak, iaitu, kecekapan kerajaan (*government efficiency*) dari tangga 19 ke tangga 9, dan kecekapan perniagaan (*business efficiency*) dari tangga 13 ke tangga 4.

Pada amnya, sambutan dan prestasi para penjawat awam adalah menggalakkan. Bagi mereka yang terlibat secara langsung dalam makmal-makmal

NKRA, MKRA dan lain-lain, perubahan dan penambahbaikan dari segi kemahiran dan pengurusan, bahkan dari segi sikap, komitmen, motivasi dan perasaan yakin diri adalah amat ternyata. Pelaksanaan NKRA dan MKRA telah juga melibatkan ramai penjawat awam di kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan. Semangat dan pendekatan baru ini juga mulai disemarakkan ke peringkat akar umbi, atau "*rank and file*," seperti anggota polis dan guru.

Walau bagaimanapun, sebarang transformasi memerlukan masa, khasnya yang melibatkan perubahan minda dan cara mengurus. Usaha gigih memang akan terus dipertingkatkan. Kerajaan memerlukan dan mengalu-alukan maklumbalas, kritikan yang membina, kerjasama, sokongan dan sumbangan dari semua pihak dan langkah-langkah ini terus dilaksanakan untuk mempertingkatkan kualiti penyampaian dan mencapai hasil yang lebih baik bagi rakyat pada masa yang terdekat ini.

ppABEAAAHy PBmMrMM

**DEWAP PASCYAT
MALAYSIA**

AiNPPAIA;

imm
YAP PUAP! YAP! AH PAY

KAWA8AM

**YEPAPCS
PATAH**

TARICIi

11.10.2010 *mnim*

MCA SOALAW :

23

**Y.tiL PUAM IAIM AH EMS minfa iMEMIERI PEROAGANGAN
ANTARABANGSA DAN IMDUSIRI menyatakam)**

- (a) JymSaii perumtiuikaira dan permotaiao
pinjaman *SMB* yang Suius dan gagal pada
tahuo 2009; dan
- (b) langkaS>SangkaSi yang berkesan untuk
membarity pmlagaan SHE,

Jawapao

Toan Yang Dspe-itua,

Kerajaan senfiasa membanto pembangufiiam
Perusahaan ICecSS dan Sederhana (PKS) tempatan
amtaraoya dengan

menyediakan kemudahan pinjaman kewangan. Sehingga Disember 2009, sebanyak 1.82 juta permohonan pinjaman 47 Skim Pinjaman PKS di bawah pengawasan pelbagai Kementerian dan Agensi telah diiuluskan yang keseluruhannya bernilai RM44 billion. Setiap permohonan pinjaman akan dinilai dengan sewajarnya mengikut kriteria-kriteria dan prosedur permohonan yang telah ditetapkan sebelum diluluskan.

Tuan Yang Dipertua,

b) Kerajaan menyedari akan kepentingan dan keperluan untuk mengambil langkah-langkah yang berkesan dalam membangunkan perniagaan PKS. Sehubungan itu, bagi tempoh tahun kewangan 2010, sebanyak 267 program PKSteiah dirancang dan sedang dilaksanakan oleh lebih 15 Kementerian dan 60 agensi.

Program tersebut menyokong tiga teras strategik untuk mentransformasikan PKS agar lebih berdava saing, berdava tahan dan menghasilkan nilai tambah yang tinggi iaitu:

i) Mengukuhkan infrastruktur

Teras ini melibatkan pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur fizikal dan

pengurusan maklumat serta pengwuiudan
peraturan dan keperluan operasi yang kondusif
bagi PKS.

pkbaiwak pp jprpram s^daipgi dfektaLtakan: dan d[Jatipka [Mtub^
fe^Gp.Jcspada teblEp _ daripada
MMfillp

15) E ¥ i l l ' S l ' y > r t s P a s ? | i y i d a r s

T^irs^ kii riinHaifpik^id pmbarn:pisrm\ m.ak&wujrt

_ IIIMO,? M^yiMiL,^,JMite|_3

PMsigiOIOPdsMA SM^MMh P^ambabbafari; feknoEogs daro
pembaiiguaoao procfyk;

Pada iahun 2010, Kerajaani mempernitukkam

RE¥8?86o04 iota untuk 200 program penambaSibaikan
peog@taliyan_s kemahirao dan kemampuani PICS serta pekerja
PKS [bagi mempetrakatkan prestask pertymboEiap dan
persalmsgan. Program m/ dijangka akan memanaatkari kira^kira
270,000 PECS,

iii) Meningkafkara akses kepada pembiavaao bagi PKS

Teras Snsi melibatkami pesnbamgyBian dan pengykuhan rangka
institusg urrtyk meswokong keperluan pembiayaan PKS.

Bagii roemnigkafkaEii akses kepada pembiayaan kevfangain bagi
PKS, Kerajaan sedang meSaksaoakan 39 program dan
dijangka akan memberi manfaat kepada sebanyak lebih daripada
280,000 PKS.

Tuan Yang Dipertua,

Di antara program untuk mentransformasikan
perusahaan

kecil dan sederhana agar lebih berdaya saing adalah:

- i) SME Competitiveness Rating for Enhancement (SCORE), dengan izin. SCORE adalah satu sistem diagnostik dalam mengukur daya saing serta penambahbaikan keupayaan dijadikan kayu ukur untuk menilai PKS;
- ii) Satu Pelan Induk PKS (2011-2020) akan dirangka merangkumi pelbagai langkah pragmatik dan berwawasan bagi memperkukuhkan sumbangan PKS terhadap pertumbuhan ekonomi negara yang menveluruh, berdava tahan dan seimbang; dan
- iii) Pengiktirafan kepada PKS yang berinovasi dan berdaya maju diberikan melalui persijilan Innovation Certification for Enterprise Rating and Transformation (1-InnoCERT).

Sehingga Ogos 2010, sebanyak 65 PKS telah diberi pengiktirafan 1-InnoCERT. Seiaian itu, PKS tersebut juga akan diberikan lalan mudah (Green Lane Policy) untuk mendapatkan pelbagai kemudahan insentif, bantuan kewangan dan pengecualian cukai bagi mempercepatkan pertumbuhan mereka menjadi syarikat yang berdaya saing.

k^p^numi day cabaraiii ssmasa seliari clengao
rifistlJari/iat riailm Model pBE) dko liocill!

PO v?,J,r-pr;“ ^:4;fe X.nutW 'Jilcdml?k

NO. AUM

NO. AUP : 2-ty

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]
TARIKH	11 OKTOBER 2010
RUJUKAN	3210

SOALAN:

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang boleh dikenakan kepada pihak yang menimbulkan isu perkauman yang berpotensi menimbulkan ketegangan kaum, jika ada tindakan sebutkan kes-kes yang berlaku dan hukuman yang dikenakan.

JAW APAM

Tuan Yang Dipertua,

Yavtj menyuoapkan terima kyeih kepada ahli Yanfj Borhonnat Parit
Bunu;r ysn*.; telah mpanyemuk£k;-in sorY-m.

Untuk makluman ahli Yang Berhornnat, Kerajaan akan terus bersikap tegas dan adil serta tidak akan teragak-agak mengarnbii sebarang tindakan di sisi undang-undang untuk membendung dan seterusnya membanteras sebarang bentuk kegiatan yang cuba dicetuskan oleh mana-mana pihak yang membangkitkan isu-isu sensitif perkauman dan mengundang ketegangan kaum di negara ini. Tindakan ini termasuk kepada mereka yang tidak bertanggungjawab dalam penyebaran artikel-artikel berbaur perkauman dan hasutan sama ada melalui bahan-bahan cetak, internet, Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan mesej bergambar (MMS).

Di antara undang-undang yang boleh diguna pakai untuk menangkap, mendakwa dan menahan mereka yang terlibat ialah
penggunaan ;

1. Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960
2. Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah)
1969
3. Akta Hasutan 1948
4. Akta Pertubuhan 1966

5. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998
6. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984

Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga, daripada tahun 2008 sehingga kini, terdapat sepuluh (10) laporan polis yang melibatkan isu perkauman telah dibuat dan disiasat di bawah Akta Hasutan 1948. Kebanyakan kes-kes tersebut adalah membabitkan sensitiviti kaum yang diucapkan melalui lisan, percetakan dan medium internet. Kes-kes tersebut kesemuanya dalam siasatan pihak PDRM dan akan didakwa di mahkamah sekiranya setelah siasatan lengkap dan bukti-bukti yang didapati adalah mencukupi bagi tujuan pendakwaan.

Kerajaan juga tidak teragak-agak menggunakan undang-undang pencegahan sekiranya keadaan menjadi bertambah buruk akibat gejala fitnah dan hasutan oleh pihak-pihak tertentu sehingga menggugat keselamatan dan ketenteraman awam.

PEMNUM i LGCAE'S

DAWAOA : YJA PATO³ DR. ejHARMD @yAE1RPJii BM

mEPM | IMS 3

TARim : 11 CMTOBER 2010 (ISNIN)

SOALAM-

Y.B., DATO" DRI S¥SOR3Aii1AD SHAHRUII BIN OSS1AN | Lipis | minta
PE [ROAM A SWEATERS menyatakan apakah usaha-usaha membasmi

^OALA^ m:

kemiskinan masyarakat Bumiputera dikira sebagai bersifat perkauman dan tidak sebagai satu program nasional bagi mengimbangi pengagihan dan pembahagian kekayaan tanpa mengira kaum sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan.

JAWAP AM °

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu objektif utama Dasar Ekonomi Baru ialah membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan keturunan. Objektif ini jelas menunjukkan usaha pembasmian kemiskinan seperti yang termaktub di bawah DEB tersebut tidak sekali- kali bersifat perkauman dan terhad kepada Bumiputera sahaja malah dilaksanakan tanpa mengira kumpulan etnik dan keturunan. Dasar ini telah dilaksanakan dengan jayanya di mana kadar kemiskinan keseluruhan telah dapat dikurangkan daripada 49.3% pada 1970 kepada hanya 3.8% pada tahun 2009. Kadar kemiskinan di kalangan Bumiputera telah berkurangan daripada 64.8% pada tahun 1970 kepada 5.3% pada tahun 2009 manakala kadar kemiskinan di kalangan kumpulan etnik Cina berkurangan daripada 26.0% kepada 0.6% dan India daripada 39.2% kepada 2.5% dalam tempoh

yang sama.

PEwmEmfMmAM periawyaam
YEWAM YY.5YYYT, 51MLAY80A

YYYY'YDA : ' M MOED YYIM BM YAYARiA
w,,jmArmMq

PEmM€fAMi : L3SM5

TAIRiKH : 11/30.2010

**TIMM S¥3©hd Masir bin Xakaeia [Padamg T@rap] minta RfIENTERI
IrCEWAWGAIM** menyatakan:-

- (a) **Petrocapaiasi] Skim jamioiaei Krednf Perymahan fSJKP)**
sejalk pelanieao'aninn/a; dao (lb) Apakalh Samgkah ^arag diambil
©leh piMik bank dallam m©mpr@m©si skim ioL

Jawapam

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa pembentangan Bajet 2008, Kerajaan telah mengumumkan satu skim yang bertujuan membantu golongan tidak berpendapatan tetap mendapatkan pinjaman perumahan. Berikutan daripada pengumuman Bajet tersebut, Kementerian Kewangan telah menubuhkan Syarikat Jaminan Kredit

Perumahan Berhad (SJKP) bagi melaksanakan skim tersebut.

2. Dari segi pencapaian SJKP, sejak mula beroperasi pada 1 Januari 2008 hingga 29 September 2010, sebanyak 2033 permohonan telah diluluskan yang melibatkan pinjaman perumahan berjumlah RM96.392 juta.

3. Langkah-langkah yang diambil oleh pihak bank bagi mempromosikan skim ini ialah melalui peningkatan kesedaran awam mengenai SJKP melalui media cetak seperti iklan di akhbar-akhbar tempatan, melalui media elektronik seperti radio dan menerusi slot iklan di televisyen yang mana sebanyak 5 rancangan bual bicara di televisyen dan 4 rancangan bual bicara di radio telah diadakan. Selain itu, SJKP sendiri juga telah mengadakan promosi secara *hands on* iaitu dengan memberi taklimat menyeluruh tentang skim jaminan ini kepada cawangan-cawangan bank yang menyertai skim ini dan kepada bahagian perumahan kerajaan Negeri.

*nmMMi irtMCYATf PEMSSSa^ETAHUJAM PER¥AM'\faAM ^iSSYOAAAT
EasYlifSA* FE^SAL GCETJIGA iPASIUMEK! KEBPJAEMSEAS
TAC OPJM 2010*

L-!ELAir.vArT^A . . ; j! AW A15' UBMi

loymyyjDA s v@ tom!! wmimM # myapju^jj
A^AEC BAPACC 0JJ1SOA Amj)*

TAR.IKG-3 : It QEcfesto 2 @m

SOALAM s 27

Minta **Menteri** Kemiajitiains Luo®^ SswJar ©tool WaEa^aGu rnenyatakan berapa jumlah jalan raya luar bandar yang telah diluluskan dalam R.MSC- 10 bagi kawasan Parlimen P.203 Lubok Antu dan berapakah jumlah peruntukan

KCS :A?

bagi setiap projek tersebut.

JAWAPAW ;

Tuan Yang dibPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah tempoh pelaksanaan NKRA (2010-2012), terdapat sebanyak 2 projek JALB dikawasan Parlimen Lubok Antu yang melibatkan pembinaan jalan sepanjang 7km dengan anggaran kos berjumlah RM8.6 juta. Projek tersebut adalah seperti berikut:

Pertama; Naiktaraf Jalan Kampung Pauh/ (Manga Ap/ Kumpang Langgir, Lubok Antu, Bahagian Sri Aman.

- 5 km dengan anggaran kos RMS. 1 juta

Kedua; Naiktaraf Jalan Nanga Bunu, Skrang, Bahagian Sri Aman.

- 2 km dengan anggaran kos RM2.9juta

Y\>r

Y1B/(R

PEEijBERER4E!U
PERFAEiYAAM DEWAE


TUAE JOHEi /L EEREAEeee
(YEEfiMEAEi)

RARYAR iilALAYSBA

EAREEY'Y. :

PERTAEYAAE : LGSAW

TARRYi : 10GJ010

Handwritten signature and stamp. The signature appears to be 'John A/L Feraamiciez' and the stamp is a circular official seal.

Tuara John A/L Feraamiciez (Serembaei) minta iIEMTERi KEWANGAN menyatakan :

- (a) apakah bentuk pelaburan yang dijalankan oleh pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di United Kingdom berjumlah RM 4.88 bilion; dan
- (b) apakah hasil kajian yang telah dijalankan bagi menunjukkan pelaburan tersebut benar-benar menguntungkan bagi menjamin wang rakyat yang disimpan di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bercadang untuk melabur secara terus di dalam pelaburan hartanah di United Kingdom dengan jumlah pelaburan sebanyak £900 juta atau bersamaan dengan RM4.47 billion. Pelaburan hartanah di United Kingdom adalah disasarkan ke dalam segmen komersial termasuk ruang pejabat, industri, kompleks beli-belah dan gudang.

(b) Pelaburan hartanah di United Kingdom dapat memberi pulangan yang setimpal dengan kelas aset pelaburan yang lain. Pihak KWSP telah menjalankan kajian yang terperinci bersama-sama penasihat-penasihat pelaburan seperti Deloitte, ING Real Estate Investment dan RREEF (anak syarikat Deutsche Bank Group) ke atas pulangan pelaburan hartanah di United Kingdom dan menjangkakan pelaburan tersebut dapat memberi pulangan konsisten minima sebanyak 5% dari penyewaan dan keseluruhan pelaburan boleh menjana kadar pulangan dalaman (IRR) sebanyak 10%, setanding dengan pelaburan dalam negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, KWSP berpendapat pelaburan hartanah di United Kingdom adalah wajar atas sebab-sebab berikut:

0 pefabnr&h has uji iah di Unfed Kingdom juga adalah dalam risiko yang terkawaf di rmana pihak kVddP telah menetapkan terma-fe ma neSci;* [inr- bagi memastikan risiko pslabuicui dajoi: < «i:;awal;

is) pelaburan hartanah di United Kingdom adalah di antara terbesar di dunia dengan kecairan yang tinggi. Kajian yang telah dilakukan oleh CB

Richard Ellis, salah satu agen hartanah terbesar di dunia nneletakkan nilai pelaburan hartanah di United Kingdom rrencecah lebih dari £50 billion setahun;

- iii) selain daripada itu, pelaburan hartanah di United Kingdom adalah rnenarik disebabkan oleh perundangan yang memberi perlindungan kepada pemilik hartanah;
- iv) sewaan atau pajakan hartanah di United Kingdom adalah panjang dengan kadar purata selama 15 tahun;
- v) pelaburan hartanah di United Kingdom adalah telus dengan pembelian dilakukan dalam konsep bidaan.

Di samping itu, perjanjian penyewaan di United Kingdom adalah unik di mana kadar penyewaan adalah berdasarkan "upward revision only" dengan izin dan kadar penyewaan tidak boleh turun sewaktu perjanjian penyewaan.

NO. SOALAN : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
JOSEPH PAIRIN KITINGAN
[KENINGAU]
TARIKH : 11 OKTOBER 2010 (ISNIN)

SOALAN

Tan Sri Datuk Serl Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada beliau bersetuju dengan kenyataan PETRONAS bahawa syarikat- syarikat tempatan negeri Sabah tidak berkeupayaan untuk melaksanakan projek-projek besar PETRONAS, dan sekiranya beliau bersetuju, apakah pula rancangan Kerajaan untuk meningkatkan penglibatan usahawan- usahawan tempatan negeri Sabah supaya mereka berkeupayaan dalam industri minyak dan gas yang sedang berkembang di negeri Sabah sekarang ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS sentiasa memberi peluang secara terbuka kepada syarikat-syarikat tempatan yang berminat dan berkelayakan untuk menyertai tender projek-projek yang dijalankan. Sebagai contoh beberapa syarikat tempatan turut terlibat dalam pembangunan medan-metian minyak dan gas yang ditemui di

luar pantai <labah corta pi-mbinaai *Sahah OH and Gss Terminal (Pj iQT)*. i'Mngan demikian dakwaan yang nienyatakan bahawa syarikai- syarii:at fempatan negeri Sabah tidak berkeupayaan untuk melaksanakeis j »rojek-projek besar **PETR^i-W.**, a/ialah tida.lc *Mortar*. Walau bagaimanapun, pernilihan syasikat-syaiikat untuk dilantik sebagai kontraktor adalah bergantung kepada kemampuai i mreka untuk mermen uhi kriteria-kriteria teknikal dan komersial yang telah ditetapkan. Proses penilaian ini dijalankan secara telus mengikut Polisi dan Prosedur Perolehan PETRONAS.

NO. AUM

NO. AUP : 2,0

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 11 QKTOBER2010

RUJUKAN : 3211

SOALAN:

Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan Kerajaan mengenai dakwaan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hasan yang mendakwa terdapat campur tangan pihak ketiga (third-party interference) dalam pengurusan pihak polis. Adakah pihak

Kerajaan bercadang untuk menyiasat dakwaan ini.
JAWAPAM

Tuan Yang Terhormat,

Csya rnengiJospAan l^rtrria kasih kepada Ah Si Y^ng oerhomist Yhii«j! yarif.j
mengernukakan jpertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kerajaan tidak
bercadang untuk mengadakan siasatan kepada dakwaan mantan Ketua Polis
Negara mengenai campur tangan pihak ketiga dalam urusan polis.

Mr, 3/

SJ.B/(6)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN
(TANJUNG MALIM)**

PERTANYAAN : LISAN

T ARIKH : 11.10.2010

**Dato' SeriOng Ka Chuan (Tanjung Malim) minta MENTERI
KEWANGAN menyatakan :**

- (a) jumlah dan komposisi pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengikut sektor pelaburan; dan**
- (b) berapa peratus pelaburan ini melibatkan pelaburan aset dan ekuiti di luar negara.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan pembahagian aset bagi pelaburan KWSP adalah berdasarkan perancangan pelaburan jangka panjang selaras dengan objektif pelaburannya iaitu untuk melindungi dan member! nilai tambah kepada wang simpanan**

ahli. Permodelan perancangan pelaburan jangka panjang ini dilotapkan melalui
Rancangan Strategik (SAA) (Jan Pembahasan Anet
Tasvial (TAA).

Setakat Jun 2010, jumlah dana pelaburan KWSP ialah RM406.6 bilion. Bentuk-bentuk pelaburan KWSP ialah "A&kuriti Kerajaan Malaysia berjumlah RM94.82 bilion (23.3%), Pinjaman dan Bon RM151.57 bilion (37.3%), Ekuiti RM 130.94 bilion (32.2%), Instrumen Pasaran Wang RM27.61 bilion (6.8%) dan Hartanah RM1.61 bilion (0.4%). Lebih kurang dua per tiga daripada jumlah pelaburan adalah dikekalkan dalam instrumen berpendapatan rendah selaras dengan profil risiko dan pulangan KWSP.

(b) Untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan pertumbuhan dana pelaburan KWSP pada kadar 7% - 8% setahun dan fujuan diversifikasi pelaburan, terdapat keperluan untuk KWSP meluaskan pelaburan ke pasaran luar negara. Setakat ini, pelaburan luar negara yang telah dilakukan oleh KWSP adalah dalam bentuk pelaburan ekuiti global dan pelaburan dana.

Setakat Jun 2010, jumlah pelaburan asing KWSP di luar negara ialah USD7.7 bilion. Pendapatan daripada pelaburan ini telah dilaburkan semula menjadikan jumlah pelaburan terkumpul sehingga Jun 2010 meningkat kepada USD8.4 bilion atau berkembang lebih kurang 9%. Jumlah ini mewakili 7.15% daripada keseluruhan dana pelaburan KWSP berjumlah RM406.6 bilion.

Soalan No : 32

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

DARIPADA : LISAN
: Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG
(BUKIT BENDERA)
TARIKH : 11.10.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA] minta Menteri Pelajaran menyatakan keputusan Kerajaan sama ada mengekalkan Ujian Pelajaran Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau tidak dan sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Cadangan pemansuhan UPSR dan PMR adalah atas kesedaran Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bahawa sistem pendidikan sekarang sering dilabel sebagai terlalu berfokus kepada peperiksaan dan tidak holistik. Sehubungan itu, selain daripada pengumpulan data melalui media perdana dan media atas talian, KPM telah menganjurkan tiga sesi Persidangan Meja Bulat iaitu pada 19 dan 27 Julai serta pada 24 September 2010. Persidangan pertama telah dapat mengumpulkan maklum balas daripada warga pendidik, sementara dalam sesi kedua pada 27 Julai 2010 pula, KPM telah berjaya mengumpulkan input daripada orang awam yang di wakili oleh Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), aktivis masyarakat, tokoh-tokoh pendidikan, tokoh-tokoh politik, ibubapa dan pelajar.

Dapatan daripada kedua-dua meja buiat seria analisis makiuat cS.ari pada media cetak, media elektronik termasuk surat,sms dan e-mel telah dirumuskan dan hasilnya dijadikan agenda pada Persidangan Meja Bulat kali ke 3 pada 24 September 2r»in.

Rumusan keseli'ruhan dciiipada perbincangan meja bulat serta dapatan-dapAr^n yang iain telah diyunakan oleh KFiVi untuk rnomutuskan bahav.';-: muisi

neperiktann s. tp\$p. aknn dileruskan dengan melakukan penambahbaikr.n terhadap

sistem penilaian tersebut. Manakala bagi PMR pufa, akan digantikan dengan pentaksiran berasaskan sekolah.

Rjm 01

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
PERTANYAAN : LISAN

KAWASAN	TUAN FONG KUI LUN
TARIKH	BUKIT BINTANG
NOR FADIAN	11.10.2010 (Isnin)

TUAN FONG KUI LUN ^{W34} **minta MENTERI PERDAGANGAN**
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan
kedudukan pelaburan asing yang masuk dan keluar
serta pelaburan domestik sejak tahun 2008, 2009 dan
2010 di setiap negeri.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Pecahan pelaburan yang diluluskan dalam sektor
perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan
mengikut negeri dari tahun 2008 hingga Julai 2010 adalah
seperti berikut:

bags y©geri SftMMIfc ^.3 psda
tabyo 12S& IIIaLMIfii! padstahyni122S ba&i Bitlbi
bpfotii bagi tempob saiaiiiafeda 00J
adaliab RiiS^bbloa pada tabyy 200@, gti|^_XMEte!! P^da tabatn;
POOP .gap p:ppM44Jitfea bagi teaip^b daaya!!bya{
3fi125

bagi oegeri Selangor, FD| sebaowab BliSSJ biBioo pada tally ms
2008, Rii4o0 biSioEi pada tabyei 2.009 dan RiHi.i biBion bagi
tempob JartuarPjyag2010 *mmnakMa* DD8
adaiah RH2J biGioei pada tabun 2008, HH2J biBions pada tabors
2009 dap RiB2,J *billon* bagi tempoh JanyarPjyEai 2010;

bagi negeri Johop PD1 sebaoyak Ri!3₀4 Mion pada tabyn 2008,
1RHS2 J biESon pada tahun 2009 dan RE!1,2 beiton bagi tempoh
JanyarPJulai 2010 manakaSa DDB adaSab RS12J *billion* pada
tahun 2008, Rim bilioo pada fahuo 2009 dan RUIloS biBioin bagi
fempob JanyarPjyGai 2010;

bagi negeri Pyiay PSoasm FD6 sebanyak RH§e1 biBiom pada
fahyn 2008, RHleS biBcon pada tabysi 2009 dan Rilloi biSson
bagi tempoh Janyari°JyBai 2010 mamsakala

**DPI adalah RM5.1 bilion pada tahun 2008, RM1.5 bilion
pada tahun 2009 dan RM738.1 juta bagi tempoh Januari-**

Julai 2010;

- bagi negeri Melaka, FDI sebanyak RM3.5 billion pada tahun 2008, RM486.4 juta pada tahun 2009 dan RM601.5 juta bagi tempoh Januari-Julai 2010 manakala DPI adalah RM182.5 juta pada tahun 2008, RM406.3 juta pada tahun 2009 dan RM144.5 juta bagi tempoh Januari-Julai 2010;
- bagi negeri Sabah, FDI sebanyak RM13.2 billion pada tahun 2008, RM5.2 billion pada tahun 2009 dan RM408.2 juta bagi tempoh Januari-Julai 2010 manakala DPI adalah RM202.6 juta pada tahun 2008, RM425.4 juta pada tahun 2009 dan RM403.0 juta bagi tempoh Januari-Julai 2010;
- bagi negeri Kedah, FDI sebanyak RM9.4 billion pada tahun 2008, RM1.1 billion pada tahun 2009 dan RM1.6 billion bagi tempoh Januari-Julai 2010 manakala DPI adalah RM288.1 juta pada tahun 2008, RM449.1 juta pada tahun 2009 dan RM275.7 juta bagi tempoh Januari-Julai 2010;

© bagi bL^yi&bi

FIM sebainiyab biag|J^S|ioa pada taboo

MSIs IHiHJUMft pada taboo Hit dap bags fesropob :-
MliKbteM..JiSIS miaoabalia DDf adafeb EMbISsS-JbM pada
taboo *rMM*, paaa taboo
3fiM dao *VVMAL4* i;ota baga *mmpoh*

- bagi ogetrl EillMMs EM sebaoyab BMfE bibop pada taboo 2008, RiM202J cota pada taboo 2001 dao gM\$Zl=3 iota bagi tempoli JaoyarbJoOal 2010 imaoabala DPI adafeb EMILMMSII pada tabyo 2008s R1M02J iota pada taboo 2009 data RM2BJ iyfa bagi tempob JaoyarbJySai 2010;

bagi sieged ICelaofao, FDB sebaoyak gMSSJy^a pada tahun 2008, RSH10J jjutta pada taboo 2009 dan RMB2.2 iota bagi tempob JaoyarbioSai 2010 maoa&cala DDB adaSab HH7J iota pada tatai 2Q08s Rill 6,2 iota pada tahun 2009 dan RUS? J iuta bag! tempoh JaoyarbJuBaii 2010;

- ® bags oegeri Tereocicgaem FOB sebaoyak R513\$\$ J iota pada fatiym 2008, R5i301J iota da mi pada taboo 2009 maoakala PDA adalah EMBMM gota pada taboo 2008, RS1204J iota pada tali uni 2009 dao RH288J gota bagn temnspoh Janoari-JoBal 2010;

- bagi Negeri Sembilan, FDI sebanyak RM294.8 pada tahun 2008, RM586.5 iuta pada tahun 2009 dan RM309.4 iuta bagi tempoh Januari-Julai 2010 manakala DPI adalah RM851.0 iuta pada tahun 2008, RM271.1 iuta pada tahun 2009 dan RM207.4 iuta bagi tempoh Januari-Julai 2010;
- ® bagi W.P. Kuala Lumpur, FDI sebanyak RM23.8 iuta pada tahun 2008 dan RM33.0 iuta pada tahun 2009 manakala DPI adalah RM94.0 iuta pada tahun 2008, RM122.7 iuta pada tahun 2009 dan RM32.2 iuta bagi tempoh Januari-Julai 2010;
- bagi W.P. Labuan, FPI sebanyak RM1Q.8 iuta pada tahun 2008 manakala PPi adalah RM9.8 iuta pada tahun 2008 dan RM14.9 iuta bagi tempoh Januari-Julai 2010; dan
- bagi negeri Perlis, FPI sebanyak RM107.0 iuta pada tahun 2008 manakala PPi adalah RIVI63.3 iuta pada tahun 2008;

Tuan Yang PiPertua,

**Berdasarkan kepada imbangan pembavaran negara yang
dikeuarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah
peagairan) keliw geliiiisfijOliM tat»aa Mtl ac^ah sebanpaK
ElISiiMiteil roianakaSa pac3a tataim 2131 adaiah *mhmwak*
RM1JL9Jllifel c^arfi terapoli :JillMML:^IMILiMi aAalaP
aaibairiifaA *M\$ijk.1* MBISm°**

NO. SOALAN : 35

**DEWAN
PERTANYAAN**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
LISAN RAKYAT**

DARIPADA

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]

TARIKH

11 Oktober 2010

SOALAN :

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan perbezaan elaun wilayah bagi pegawai Kerajaan:

(a) adakah Kerajaan bercadang untuk menyeragamkan elaun-elaun tersebut di atas dan jika tidak, mengapa; dan

(b) apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menerapkan nilai-nilai 1 Malaysia dalam pemberian elaun tersebut.

J Miwm YB. **datcf mm moiiimm aaars abdol mZ**

Tuan Tai/i Ai PArfua,

Pay-ran 'naenff WHAyali dAayar kepada seseorang penjawai awam apabila **diarahkan** bertukar **wilayaSi**. Asas bay/ran ini ialait aebagai satu **galakan** serta untuk menampung kos sara Snadop yang berbeza antara wilayah.

Penyeragaman bay a ran insenfif ins tsdak wajar dilakukan kerana kos sara hidup antara wiiayah adalah ternyata berbeza daripada kajian perbelanjaan isi rumah yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan.

Konsep 1 Malaysia menegakkan keadilan, kesaksamaan dan “*unity in diversity*” antara rakyat Malaysia. Oleh itu bay a ran elaun mengikut keadaan kos sara hidup sebenar yang berbeza antara wilayah adalah tidak bertentangan dengan konsep ini.

Sekian. Terima kasih.

kecil pula mengikuti *home schooling* atau mengikut keluarga berhijrah ke luar negara. Namun demikian, terdapat juga murid-murid yang terus meninggalkan dunia pendidikan kerana tidak berminat terhadap pelajaran, masalah kesihatan dan juga memasuki alam pekerjaan.

Untuk mengatasi masalah kecacatan ini, antara langkah yang dilakukan oleh KPM bagi mengatasi masalah kecacatan ini ialah:

- i. Menguatkuasakan pendidikan wajib bagi murid-murid peringkat rendah;
- ii. Memperkenalkan pelbagai bentuk insentif dan bantuan pendidikan kepada murid;
- iii. Meningkatkan infrastruktur asas kepada murid khususnya yang tinggal di pedalaman dan pulau-pulau kecil; dan
- iv. Memperbanyakkan program pendidikan yang dapat menarik minat murid mengikuti pengajian seperti dalam bidang kesenian, sukan, kemahiran dan sebagainya.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE
[SETIAWANGSA]**

TARIKH PERTANYAAN : LISAN

11.10.2010

Handwritten signature and date '11/10' in black ink.

Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk membuka kembali dagangan Ringgit Malaysia di pasaran terbuka dan apakah kaedah pencegahan yang diamalkan untuk membanteras mata wang kita daripada menjadi mangsa spekulasi seperti yang telah berlaku sebelum ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 2000, Malaysia telah meliberalisasikan peraturan pentadbiran pertukaran asing secara progresif dan berterusan bagi meningkatkan daya saing ekonomi keseluruhannya. Liberalisasi bagi pasaran pertukaran asing dilakukan melalui pendekatan yang teratur untuk memastikan kestabilan kewangan.

rbudektiteii iYFaiaoiii

ck,3G,r liberalisasi terus

bersandarkari kepada keupayaan e-konorni negaia untuk menghadapi cabaran yang timbul akibat usaha liberalises! dan juga peniiaian sarna ada manfaai ekoncmi yang diperoleh daripada iangkah iiberaHYasi rneiebihi kos dan risikonya, IBegiti! iuga tfengari langkah liberalisasi peaiuran patYiadbirait peYYasan aYftu iVialayaia pada Y-< O'guc YiY yang bertujuan itnlui: memngkaxkan kecekapan daiam pengenrialian perdagangan anlarabangsa dan rnenggalakkan persekiiaran pemiagaan yang kondusif di Malaysia

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kerajaan akan sentiasa memantau perkembangan dan mengambil kira kesediaan Malaysia untuk meliberalisasi dasar dengan izin "internationalisation of the ringgit". Antara faktor yang diambil kira sebelum sebarang liberalisasi dilakukan adalah keteguhan pasaran wang dan pasaran pertukaran asing tempatan serta memastikan manfaat yang boleh diperoleh dari langkah liberalisasi yang diambil melebihi sebarang risiko yang mungkin dihadapi. Juga yang perlu ditimbangkan adalah samada negara berupaya untuk menguruskan risiko tersebut bagi memastikan pasaran kewangan tempatan kekal teguh dan stabil.

4. Antara langkah yang diambil dalam mencegah ringgit diurus niaga di luar negara adalah dengan memastikan bahawa kesemua urusan niaga ringgit oleh bukan pemastautin hanya dibuat dengan bank tempatan berlesen. Rangka kerja pengawalseliaaan kini juga disokong oleh sistem pengawasan yang berkesan dan komprehensif, termasuk

menerusi pemantauan persekitaran yang berterusan supaya kelemahan dan risiko yang muncul dapat dikesan lebih awal.

NO:38

PEEBERITAMUAM PE1RYAIMYAAM DEWAPI BAKYAY
PEBYAEOYAAM JAWAB LIISAM
I.'YPPAB^A WPM mm YummMbye feioc--:!ro ayy-oya 11
YABBCB OKTOBEA 2010 {mm} sm m
80ALAM

Yuan Mohd Yusmadi Bin Mohd Yusoff [BaSSk Pulau] minta MENTERI
PEMGAJfIAM TfIMGGI nmemyatakan jumlah anak-anak Balik Pulau yang
mendapat pendidikan ke universiti.

JAWAPAM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Pengesanan
Graduan 2009 yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi,
bilangan keluaran graduan IPTA, IPTS, politeknik dan kolej komuniti yang
bermastautin di Balik Pulau, Pulau Pinang adalah seramai 661 orang.

SOALAN NO: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR]
TARIKH : 11 OKTOBER 2010 (ISNIN)
SOALAN :

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta PERDANA MENTERI menyatakan bila mana baru-baru ini kita digemparkan dengan kemalangan sebuah bas Sani Ekspres Sdn. Bhd. yang telah meragut nyawa beberapa orang penumpang akibat kecuaiian pemandu dan bagaimanakah tindakan LPKP dalam usaha memperkasakan badan ini dalam memantau setiap pemandu pengangkutan awam.

MmmmmM : ye. BAT® mm mmmim mmi im m miiMK

Y».stf.n Yan?j Hi perils,*-? ,

Untuk maklurnan Ahli Yang Berhormat, kes kemalangan nmauf yang melibatkan syarikat Sani Ekspres ScJn. Bhd. masih dalam perbicaraan cli mahkamah.

v-aji AH No: ^

Dari segi aspek kawal selia pemandu pengangkutan awam, tanggungjawab tersebut berada di bawah bidang kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) manakala Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) bertanggungjawab terhadap aspek-aspek pelesenan kenderaan perdagangan.

Namun begitu, langkah-langkah penambahbaikan berkaitan dengan operasi syarikat bas ekspres yang diambil oleh LPKP turut menjurus kepada peningkatan pengawalseliaan pemandu pengangkutan awam dan juga aspek keselamatan kenderaan. Antara langkah-langkah yang diambil oleh LPKP adalah dengan menetapkan syarat pematuhan Kod Amalan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHE) sebagai syarat lesen

kepada pengusaha bas ekspres. Kod amalan SHE merangkumi aspek pengurusan pemandu, pengurusan kenderaan, pengurusan perjalanan dan risiko serta sistem pengurusan dokumen. Aspek pengurusan pemandu meliputi jumlah jam bekerja, penggiliran tugas dan kebajikan serta kesihatan pemandu. Diharapkan dengan pematuhan kod ini, risiko kemalangan disebabkan kecuaiian pemandu dapat dikurangkan. Selain daripada itu, LPKP turut mengadakan kursus *refresher* untuk memberi latihan dan motivasi kepada pemandu pengangkutan awam.

SOALAN NO: 39

Dari segi pengurusan kenderaan, LPKP telah mewajibkan pemeriksaan berkala setiap 6 bulan di PUSPAKOM bagi semua kenderaan pengangkutan awam termasuk bas ekspres bagi menjamin tahap keselamatan kenderaan. Selain itu, semua kenderaan baru bas ekspres telah diwajibkan memasang peralatan elektronik seperti GPS (*Global Positioning System*) bagi membolehkan syarikat bas memantau rekod kelajuan (*speed profile*), cara pemanduan dan lokasi kenderaan. Di samping itu, LPKP telah menetapkan had usia bas ekspres tidak melebihi 10 tahun. Langkah ini bertujuan untuk memastikan syarikat bas ekspres memberi keutamaan terhadap tahap keselamatan dan keselesaan penumpang.

MO SCALAR : 40

P M4M ilfAM EMM

r^Anri^A^riTAAy i LISAN
DAR1PAPA : YE TUAM C^UA HAM GHA^G (BATU)
TARIKH : 11.i0.2010
(1SNIN)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

- a) **siapakah pembeli bagi Kem Sungai Besi dan Kem Batu Kantomen dan berapakah keluasan serta jumlah nilai harga; dan**
- b) **mengapakah Kerajaan tidak menjual kedua-dua kem tersebut secara tender terbuka dan adakah akibat penjualan kedua-kedua Kem ini akan menjejaskam keselamatan ibu Negara dan apakah pelan perancangan pemindahan ini.**

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Keluasan keseluruhan tanah milik Persekutuan di Kern Batu Kentonmen ialah 280 ekar. Kern ins masih beroperasi sehingga kini dan cadangan pembinaan kem baru masih diperingkat perundingan. Selain itu, cadangan pembangunan kem tersebut telah dipersetujui secara prinsip usituk dilaksanakan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang merupakan sebuah entiti milik Kerajaan.

Keluasan keseluruhan tanah milik Persekutuan di Kem Sungai Besi pula ialah 458 ekar. Terdapat tiga (3) syarikat yang telah mengemukakan cadangan untuk perpindahan Kem Sungai Besi iaitu:

- (a) **1 Malaysia Development Berhad (1MDB)**

- (b) Tradewinds (Malaysia) Berhad
- (c) Kini Wangsa Sdn Bhd

Namun begitu, cadangan daripada 1 Malaysia Development Berhad dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) telah diterima oleh pihak Unit Perancangan Ekonomi (EPU) kerana memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, ianya masih di peringkat kelulusan prinsip dan tidak ada *letter of intent* (LOI) dikeluarkan kerana pihak Kementerian Pertahanan dan EPU sedang mengkaji secara mendalam. Satu *team* kajian juga telah ditubuhkan bagi memastikan segala isu yang melibatkan lokasi penempatan, keperluan infrastruktur dan kos diambil kira agar tiada permasalahan timbul selepas pemindahan berlaku.

Selain itu, Kementerian Pertahanan telah menetapkan tiga syarat yang perlu dipenuhi sebelum kem tersebut dibangunkan. Syarat- syaratnya ialah:

- (a) Pertama, semua peralatan dan juga kemudahan- kemudahan yang sedia ada di Kem Sungai Besi hendaklah disiapkan terlebih dahulu di tempat lain yang mahu dibangunkan
- (b) Kedua, sebarang pembangunan yang baru hendaklah mengambil kira keperluan-keperluan strategik mengikut kehendak semasa.

- (c) **Ketiga, semua peraiatan yang mahu di garJlcRiri; hrandaklah mengikut spesifikasi teknologi terkini**

Tuan Yang di-Pertua,

Rancangan penswasfaan **kedua-dua** kem ini **masih** lagi **daSam** peringkafi rasicangan dan kajian. **Sekiranya rancangan** irici rreanjadi kenyataan, Kementerian akan **memastikan bahawa perpindahara ini iidak akan menjejaskan sistem pertahanan yang telah** dibangunkam **(dan perpindahan hanya akan dilaksanakan selepas segala tugas *proofing* dan *commissioning* dijalankan. Sistem radar bersepadu yang telah dibangunkan tidak akan terjejas kerana Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) telah mempunyai sistem yang *redundant* sebagai alternatif terhadap sistem radar bersepadu negara. Secara keseluruhannya, keselamatan ibu negara tidak akan terjejas kerana pemantauan berterusan masih dilaksanakan di sektor *operation centre* pada setiap masa.**

